

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Monday, 10 April, 2017 2:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Azman B Yasin
Subject: SIRKIT 1 KEJOHANAN GOLF IPT 2017 MEMBUKA TIRAI DI UUM



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia



10 APRIL 2017/13 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

SIRKIT 1 KEJOHANAN GOLF IPT 2017 MEMBUKA TIRAI DI UUM



AGNUUM 9 APRIL 2017 – Kejohanan Golf IPT membuka tirai permulaan untuk tahun ini dengan penganjuran Sirkuit 1/UUM pada 8 April 2017 di Kelab Golf & Rekreasi UUM (KGRUUM), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyaksikan penyertaan seramai 42 orang pemain daripada pelbagai intitusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Kejohanan Golf IPT anjuran Akademi Golf Nasional UUM (AGN) tahun ini sedikit berbeza berbanding tahun sebelumnya kerana diadakan secara sirkit iaitu empat (4) sirkit di empat tempat buah lokasi yang berbeza bermula dari April sehingga November 2017 dengan *Grand Finale* yang akan diadakan pada bulan Februari 2018 bersamaan berlangsungnya Sukan IPT (SUKIPT) 2018.

“Tujuan penganjuran Kejohanan Golf IPT 2017 secara sirkit adalah untuk memeriahkan lagi pentas sukan golf Negara, dan juga untuk memberi peluang kepada bakat baru sukan golf untuk menunjukkan bakat mereka tanpa kekangan masa dan tempat kerana penganjuran secara sirkit yang terbahagi kepada kawasan utara, tengah dan selatan dapat membolehkan penyertaan yang lebih fleksibel dari semua IPT di Malaysia”, ujar Prof. Madya Dr. Azman Yasin, Pengarah Akademi Golf Nasional UUM (AGN).

“Selain itu, kejohanan ini juga digunakan sebagai pentas untuk merekrut pemain terbaik di IPT bagi mewakili Malaysia untuk menyertai pertandingan World University Games (WUG) pada tahun ini di Taipei, Taiwan”, tambah beliau lagi.

Kejohanan Golf IPT Sirkuit 1/UUM yang telah berlangsung selama sehari di KGRUUM telah menyaksikan dominasi atlit Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Golf UUM dengan Johan Kategori Lelaki disandang oleh Sazanur Iman Salenin, pemain golf UUM dengan pukulan satu dibawah par (71). Manakala Naib Johan dimenangi oleh Muhamad Zafran Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan pukulan *even* (72). Seterusnya, Tempat Ke-3 jatuh kepada Mohd Shakiran Johari dari UUM dengan pukulan satu diatas par (73). Dan bagi Tempat Ke-4 dan Ke-5, walaupun masing-masing telah berkongsi jumlah pukulan yang sama sebanyak tiga diatas par (75), Muhammad Syafiq Abd Rahman dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) berjaya mendahului Muhammad Ridhwan Johari dari UUM dengan *OCB*.

Untuk Kategori Perempuan pula, kesemua hadiah yang ditawarkan dibolot oleh atlit UUM tanpa memberi peluang kepada pemain dari IPT lain dengan Johan Kategori dimenangi oleh Tham Soot Yuet dengan pukulan dua diatas par (74). Manakala Nurul Syahirah Afiqah Saparudin @ Nasir hanya mampu berpuas hati di tempat Naib Johan dengan perbezaan tiga pukulan sahaja (77). Dan Tempat Ke-3 jatuh kepada Nur Afifah binti Mohd Razif dengan pukulan sebanyak enam diatas par (78).

Kejayaan ini terus-menerus membuktikan daya saing dan komitmen tinggi pelajar atlit PKS Golf UUM yang tinggi untuk mengekalkan kejuaraan yang disandang selama ni. Usai sirket permulaan ini, Sirkuit 2 Kejohanan Golf IPT 2017 akan diadakan pada 13 Mei 2017 dengan bantuan kelolaan Universiti Putra Malaysia (UPM).

HABIS.

Daripada:

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH
TEL: 04-9283591/3596
FAKS: 04-9283592



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.